

UMS, PDRM jalin kerjasama kongsi kepakaran

UM 16.8.2014 10

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) akan menjalankan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memperkuatkan lagi bidang penyelidikan dan akademik universiti itu.

Pengarah UMS, Dr. Zaini Othman berkata, kerjasama tersebut akan dimeterai melalui satu majlis menandatangani surat hasrat (LOI) yang dijadualkan berlangsung pada bulan November ini.

Beliau berkata, selain mengukuhkan jalinan sedia ada, kerjasama yang dibentuk ini akan merangkumi aspek-aspek penyelidikan dan akademik di samping perkongsian kepakaran antara UMS dan PDRM.

“Kami telah sepakat untuk mengadakan Seminar Sempadan dan Keselamatan Nasional semasa majlis menandatangani LOI nanti,” katanya tentang perkara yang dicapai hasil pertemuan dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar baru-baru ini.

Pertemuan yang diadakan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman itu turut dihadiri oleh Naib Canselor UMS, Datuk Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah, Timbalan ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Bakri Mohd. Zinin dan Ketua Bahagian Keselamatan UMS, Lt.

Kerjasama yang dibentuk ini akan merangkumi aspek-aspek penyelidikan dan akademik di samping perkongsian kepakaran antara UMS dan PDRM

ZAINI OTHMAN
Pengarah UMS

Kol. Abdul Talib Arifin.

Tambah Dr. Zaini, seminar itu dijangka akan dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi sementara Khalid Abu Bakar akan memberi ucaptama pada seminar tersebut.

Jelasnya lagi, dalam pertemuan itu juga, mereka telah membincangkan mengenai usaha UMS untuk mentransformasikan Pengawal Keselamatan kepada Polis Bantuan.



PROF. DR. MOHD. HARUN ABDULLAH (dua dari kiri) yang mengetuai rombongan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama-sama Khalid Abu Bakar (tengah) dan Mohd. Bakri Mohd. Zinin (dua dari kanan). Turut kelihatan Dr. Zaini Othman (kanan) dan Lt. Kol Abdul Talib Arifin (Kiri).